



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PIKAS PERCEPATKAN KADAR IMUNISASI DI PULAU PINANG DENGAN MENYASARKAN TENAGA KERJA DALAM SEKTOR PEMBUATAN

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali bersama Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow telah membuat pemantauan ke atas operasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) COVID-19 di Bukit Jawi Golf Resort di Pulau Pinang. Seramai 16,402 pekerja akan divaksin di lokasi ini sejak pembukaannya pada 16 Jun 2021.

Selain itu, lawatan tapak untuk melihat persediaan PPV PIKAS yang lain di Pulau Pinang seperti di Hotel Equatorial Penang, Intel Technology Sdn Bhd dan Jabil Circuit Sdn Bhd turut dijalankan.

Sesi lawatan ini adalah susulan pelancaran PIKAS semalam di Selangor yang telah dihadiri Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Setakat 16 Jun 2021, lebih 1,733 syarikat dengan jumlah pekerja seramai 280,820 orang telah berdaftar di dalam PIKAS di mana 186 syarikat dan seramai 139,851 pekerja adalah dari pemain industri di Pulau Pinang.

Program PIKAS adalah langkah responsif kepada cadangan dari persatuan industri, dewan perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk membantu mempercepat vaksinasi bagi rakyat, untuk mencapai imuniti kelompok di dalam komuniti. PIKAS memainkan peranan yang penting dalam melindungi pekerja daripada risiko jangkitan COVID-19 kerana keselamatan mereka dapat memastikan ekonomi kembali cerdas dan terus berdaya tahan.

Pada waktu yang sama PIKAS dilaksanakan, program vaksinasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk golongan yang paling rentan tetap akan menjadi keutamaan.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Pelbagai persatuan industri, dewan-dewan perniagaan dan kesatuan sekerja lain telah menyatakan sokongan mereka terhadap program PIKAS dan menyambut baik pelaksanaannya untuk memastikan keselamatan pekerja.

YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali memberi jaminan bahawa pekerja yang menyertai program ini tidak akan dibebani dengan kos tambahan. "Di bawah program PIKAS, vaksin akan diberikan secara percuma oleh Kerajaan kepada pekerja namun majikan perlu menanggung kos pentadbiran proses vaksinasi dan tidak dibenarkan untuk memotong gaji pekerja bagi membiayai kos yang terlibat," kata beliau.

YB Menteri Kanan juga menyatakan bahawa Kerajaan akan meningkatkan kadar vaksinasi pada bulan Jun, Julai dan Ogos dengan menyasarkan imuniti kelompok dapat dicapai di Lembah Klang dan Putrajaya pada tahap ini.

PIKAS adalah sebuah inisiatif di bawah PICK dan dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) bagi sektor pembuatan. PIKAS adalah sebuah kolaborasi inovatif di antara pihak awam dan swasta dimana Kerajaan akan menyediakan dos vaksin secara percuma dan pihak swasta pula akan menanggung kos pentadbiran pemberian vaksin seperti penyediaan PPV. Vaksinasi untuk sektor pembuatan di bawah PIKAS memberi tumpuan kepada subsektor pembuatan yang kritikal seperti elektrik dan elektronik, pemprosesan makanan, besi dan keluli, alat perubatan, alat pelindung diri (PPE), minyak dan gas serta produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan.

Untuk maklumat lanjut tentang PIKAS, layari www.miti.gov.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

17 JUN 2021



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my